

bermula

Oleh NORDIN MOHAMAD

Di 17 JUL 1961

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah jawatan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat di hadapan Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara di sini pagi ini.

Istiadat ringkas selama 10 minit itu penuh bersejarah, berlangsung tepat jam 11 pagi dengan keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke Dewan Istiadat, diiringi oleh Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam Dewan Istiadat, Datuk Seri Dr. Mahathir duduk di sebelah kiri singgahsana, manakala Tun Hussein Onn pula duduk di sebelah kanan.

Pada pukul 11.02 pagi, Datuk Paduka Maharaja Lela, Tengku Mustapha Tengku Mahmud meminta Datuk Seri Dr. Mahathir mengadap untuk menerima watakah perlantikan dari Seri Paduka Baginda.

Sumpah simpan rahsia

Datuk Seri Dr. Mahathir diiringi oleh Datuk Penghulu Istiadat, Engku Datuk Ibrahim, kemudian bangun mengadap Yang di-Pertuan Agong dan menerima watakah perlantikan.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian mengucup tangan Seri Paduka Baginda.

Selepas berundur tiga langkah dari singgahsana, Datuk Seri Dr. Mahathir melafazkan ikrar sumpah jawatan dan sumpah menyimpan rahsia di hadapan Seri Paduka Baginda.

Bellau kemudian tunduk sembah sekali lagi lalu berundur ke meja khas untuk menandatangani kedua watakah tersebut dengan di-

saksikan oleh Pemangku Ketua Hakim Negara, Raja Tan Sri Azlan Shah dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman.

Upacara tersebut berakhir dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Istana Negara, Haji Shahir Daud.

Istiadat yang bersejarah itu juga disaksikan oleh para Menteri Kabinet kecuali Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen yang kini berada di New York.

Hadir sama ialah Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar; Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohamad Ghazali Datuk Seth dan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.

Selesai sahaja doa selamat dibacakan, Datuk Paduka Maharaja Lela mengumumkan keberangkatan keluar Seri Paduka ke satu lagi istiadat ringkas pengurniaan Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) membawa gelaran *Tun* kepada Datuk Hussein Onn, di sebuah dewan berasingan.

Hadir sama di istiadat itu ialah Raja Per-

maisuri Agong, Datin Suhailah dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah, para Menteri Kabinet dan lain-lain pembesar negara.

Dalam istiadat tersebut, Seri Paduka Baginda mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas perlantikannya sebagai Perdana Menteri baru.

Seri Paduka Baginda juga berpelok-pelokkan dengan Tun Hussein Onn, begitu juga Toh Puan Suhailah dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Selepas itu, Tun Hussein menandatangani buku pelawat Istana Negara untuk kenang-kenangan.

Tun Hussein dan Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian berlepas dengan kereta Mercedes hitam *WG 1* menuju ke Jabatan Perdana Menteri untuk upacara menyerah tugas.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengumumkan kabinetnya Isnin ini.